

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH

[KALABAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. apakah Kementerian ada melaksanakan sebarang kajian mengenai impak (Impact Studies) ke atas harga barangan dan kos sara hidup rakyat negara ini selepas GST dikuatkuasakan; dan
- b. jika ada, bolehkah Kementerian menghuraikannya di dalam Dewan ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa universiti tempatan telah

dilantik untuk menjalankan dua kajian mengenai pelaksanaan GST iaitu Kajian Persepsi Masyarakat Terhadap Pelaksanaan GST dan Kajian Jangkaan Impak Kos Pengeluaran dan Kos Sara Hidup Terhadap Pelaksanaan GST. Pihak Kerajaan masih belum mendapat hasil dari kajian ini. *Outcome* dari kajian akan digunakan untuk membantu Kerajaan dalam melancarkan pelaksanaan GST dan membantu menggubal dasar yang dapat meningkatkan ekonomi negara disamping menjaga kebajikan rakyat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ABDUL GHAPUR BIN
HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian mempertimbangkan untuk memanggil pulang dan menempatkan di negara lain pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Wilayah Timur Tengah memandangkan keselamatan mereka tidak menentu.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tidak semua negara di Timur Tengah menjadi destinasi pilihan pengajian pelajar Malaysia bagi melanjutkan pengajian di luar negara. Negara-negara di Timur Tengah yang mempunyai pelajar Malaysia adalah Iran, Jordan, Kuwait, Lebanon, Mesir, Morocco, Saudi Arabia, Turki, Yaman dan Oman.

Kementerian Pendidikan Malaysia hanya menaja pelajar-pelajar ke Jordan sahaja tetapi tidak ke negara-negara Timur Tengah yang lain. Keadaan semasa bagi negara-negara Timur Tengah masih terkawal kecuali di Yaman sahaja. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan

membawa pulang pelajar Malaysia di Yaman yang terlibat kecuali pelajar-pelajar yang enggan kembali ke Malaysia. Sebagai langkah keselamatan, Kedutaan Besar Malaysia di luar negara bersama pejabat Education Malaysia sentiasa memantau keselamatan dan program pelajar Malaysia dengan menasihati mereka supaya tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti atau berada di kawasan yang bergolak.